

**PEKELILING JABATAN KEWANGAN BIL. 18/2015**

Ketua Jabatan/Bahagian/ Unit  
Pusat Perubatan UKM

YBhg. Prof/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PEROLEHAN DI PUSAT PERUBATAN UKM OLEH  
JABATAN AUDIT NEGARA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Jabatan Audit Negara akan menjalankan pengauditan pengurusan perolehan dijangka mulai 16 November 2015 (Isnin) sehingga 4 Disember 2015 (Jumaat) meliputi daripada proses permohonan bajet oleh pusat bertanggungjawab (PTJ) sehingga proses bayaran dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama YBhg. Prof/Dato'/Datin/Tuan/Puan membuat persediaan awal bagi menerima kedatangan juruaudit. Selain itu, bagi memastikan proses pengauditan ini berjalan dengan lancar di harap agar pihak YBhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memastikan semua dokumen dan fail di Jabatan YBhg. Prof/Dato'/Datin/Tuan/Puan dikemaskini dengan lengkap dan teratur.

Sukacita sekiranya agar pihak YBhg. Prof/Dato'/Datin/Tuan/Puan agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua kakitangan di bawah seliaan YBhg. Prof/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**NORINI BT MOHAMAD**

Ketua  
Jabatan Kewangan  
Hospital Canselor Tuanku Muhriz,  
Pusat Perubatan UKM

- S.k - Dekan Fakulti Perubatan & Pengarah PPUKM  
- Fail Edaran

